

Media Title : Kosmo
Headline : Jurujual takut ditahan polis rugi RM120,000 ditipu scammer
Date : 2 July 2024
Section : Negara!
Page : 9



Jurujual takut ditahan polis rugi RM120,000 ditipu scammer

KUANTAN – Akibat takut ditahan kerana didakwa melakukan kes jenayah telah menyebabkan seorang jurujual kenderaan mengalami kerugian sebanyak RM120,000 selepas diperdaya sindiket jenayah dalam talian yang menyamar sebagai pegawai polis.

Pemangku Ketua Polis Pahang, Datuk Noor Hisam Nordin berka-

ta, kejadian bermula pada 27 Jun lalu selepas mangsa yang merupakan lelaki berumur 27 tahun menerima panggilan daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai polis.

"Mangsa dikatakan akan ditangkap kerana terlibat dengan jenayah cuci wang haram dan kad bank milik mangsa juga dikatakan telah diguna oleh sese-

orang yang terlibat dengan kes jenayah.

"Seterusnya suspek telah mengarahkan mangsa memuat turun aplikasi yang diberi serta mengisi semua maklumat perbankan," katanya di sini semalam.

Tambahnya, mangsa juga telah diarahkan untuk membuat transaksi ke akaun yang diberi-

kan kononnya untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, akibat percaya dan takut dengan dakwaan suspek, mangsa telah mengalami kerugian berjumlah RM120,000 apabila wang simpanannya dikeluarkan oleh suspek.

Sementara itu, beliau berkata, pihak polis Kontinjen Pahang menasihatkan orang ramai su-

paya tidak mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak yang tidak dikenali bagi mengelakkan menjadi mangsa scammer.

"Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima dipautan <https://semakmule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi," ujarnya.